




Pena Modern Practices in Teaching and Learning

Journal homepage:

<https://penacendekia.com.my/index.php/pmptl/index>

ISSN: 3093-7345



Penguasaan Amali Asas Penyediaan Sandwic: Satu Kajian Kes ke atas Murid Autistik

Practical Mastery of the Basic of Sandwic Preparation: A Case Study of Autistic Students

Norafizah Jamali¹, Bonika Anak Bundak¹, Jesmin Anak Rawen¹, Vestly Kong Liang Soon^{1,*}

¹ Jabatan Pendidikan Khas, Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak Malaysia

ARTICLE INFO

Article history:

Received 8 March 2025

Received in revised form 23 March 2025

Accepted 15 April 2025

Available online 26 May 2025

ABSTRACT

Asas penyediaan sandwic adalah salah satu kemahiran dalam Unit Kompetensi Asas Masakan dalam Dokumen Kurikulum Kemahiran Vokasional Pendidikan Khas. Penguasaan amali dalam kalangan murid autistik yang merangkumi kaedah dan pengajaran yang sesuai amat diperlukan untuk meningkatkan penguasaan murid di dalam sesi pengajaran kelas asas masakan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti amalan pengajaran yang digunakan oleh guru dalam kelas amali Asas Masakan Penyediaan Sandwic dan implikasi pendekatan yang telah dilaksanakan kepada murid autistik di dalam kelas Asas Masakan. Reka bentuk kajian ini adalah menggunakan kaedah kajian secara kualitatif yang dilaksanakan secara reka bentuk kajian kes. Kajian ini melibatkan tiga orang guru PPKI yang dipilih di sebuah sekolah menengah harian biasa yang menjalankan Program Pendidikan Khas Integrasi di Sungai Petani, Kedah yang mengajar mata pelajaran asas masakan dan vokasional masakan. Data dikumpul melalui kaedah temu bual separa berstruktur dan pemerhatian bagi mendapatkan maklumat mengenai pendekatan yang digunakan guru dan implikasi penguasaan amali murid autistik di dalam penyediaan sandwic semasa kelas amali Asas Masakan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa responden berminat untuk belajar asas penyediaan sandwic yang terdapat dalam mata pelajaran asas masakan bagi kefungsian rendah. Melalui kajian ini, ia dapat dilihat bahawa murid yang mempunyai masalah autistik dapat memahami isi kandungan di dalam mata pelajaran Asas Masakan yang diajar oleh guru. Di samping itu, mereka juga boleh mengaplikasikan bahagian amali masakan ini di dalam kehidupan seharian mereka. Kajian ini mencadangkan supaya isi kandungan mata pelajaran perlu disesuaikan dengan tahap keperluan dan perkembangan pendidikan semasa.

The preparation of sandwiches is one of the skills in the Basic Cooking Competency Unit in the Vocational Skills Curriculum for Special Education. Practical mastery among autistic students, encompassing suitable methods and teaching approaches, is crucial for enhancing student proficiency during basic cooking class sessions. Therefore, this

* Corresponding author.

E-mail address: vestly@fpm.upsi.edu.my

<https://doi.org/10.37934/pmptl.1.1.5465>

Keywords:

Murid autistik; asas penyediaan sandwich;
asas masakan; pendekatan; amalan;
pengajaran

*Autistic student; the preparation of
sandwiches; basic cooking; approaches;
teaching practices*

study aims to identify the teaching practices used by teachers in the Basic Cooking Practical Class for Sandwich Preparation and the implications of the approaches implemented for autistic students in the Basic Cooking Class. The study design uses a qualitative case study method. It involves three PPKI teachers selected from a regular secondary school in Sungai Petani, Kedah, which runs an Integrated Special Education Program, teaching basic and vocational cooking subjects. Data were collected through semi-structured interviews and observations to gather information about the approaches used by teachers and the implications of practical mastery for autistic students in preparing sandwiches during the Basic Cooking Practical Class. The study findings show that respondents are interested in learning the basics of sandwich preparation within the basic cooking subject for low-functioning students. Through this study, it can be seen that students with autism can understand the content of the Basic Cooking subject taught by teachers. Additionally, they can apply this practical cooking component in their daily lives. The study recommends that the subject content should be adapted to the level of need and current educational development.

1. Pendahuluan

Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) menjalani persekolahan seperti murid tipikal, bermula dari prasekolah, sekolah rendah, hingga sekolah menengah. Dalam Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) [1] menyatakan terdapat empat peringkat Program Pendidikan Khas iaitu prasekolah, pendidikan rendah, pendidikan menengah dan pendidikan lepas menengah. Menurut Anizam Mohamed Yusof *et al.*, [2] peluang pendidikan telah disediakan oleh KPM kepada murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) pada peringkat awal usia mereka. Mereka boleh memasuki prasekolah pendidikan khas dengan syarat berumur 6 hingga 14 tahun dan disahkan oleh pengamal perubatan sebagai MBPK. Selepas prasekolah, mereka boleh meneruskan pendidikan di sekolah rendah dan menengah mengikut aliran akademik. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) turut menyediakan pelbagai kemudahan seperti tandas, laluan OKU, asrama, serta bantuan makanan dan minuman percuma untuk MBPK.

Di Malaysia, fokus pendidikan untuk murid autistik masih cenderung tertumpu kepada kemahiran akademik dan tingkah laku adaptif, sementara aspek kemahiran amali harian seperti memasak atau menyediakan makanan kurang diberi perhatian. Hal ini menyebabkan wujudnya jurang dalam persediaan murid autistik untuk hidup lebih berdikari. Selain itu, kajian lepas menunjukkan bahawa pendekatan pengajaran amali masakan masih bergantung pada kaedah konvensional seperti demonstrasi langsung dan pengulangan Anizam [2]. Hal ini menimbulkan persoalan tentang keberkesanan kaedah tersebut dalam memenuhi keperluan pembelajaran murid autistik yang memerlukan variasi rangsangan visual, taktil, dan interaktif. Rentetan itu, guru-guru perlu mengadaptasi kaedah pengajaran amali yang bersesuaian dengan keupayaan murid autistik.

1.1 Latar Belakang Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap penguasaan amali asas penyediaan sandwich dalam kalangan murid autistik bagi mata pelajaran asas masakan. Kes *Autism Spectrum Disorders* (ASD) semakin meningkat di seluruh dunia, dan ibu bapa serta guru menghadapi pelbagai cabaran dalam mendidik serta mengasuh kanak-kanak ASD. Tekanan yang lebih tinggi dilaporkan dalam kalangan ibu bapa kerana cabaran keupayaan sosial dan komunikasi anak-anak ASD.

Terdapat pelbagai jenis autistik, termasuk autistik regresif dan **early infantile autism**, yang biasanya dapat dikesan seawal usia 18 bulan. Namun, tiada rawatan khusus yang dapat menyembuhkan autisme, tetapi intervensi awal dapat membantu perkembangan kanak-kanak tersebut.


Dari segi pendidikan, Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Pendidikan Khas Asas Masakan membolehkan murid MBPK memperoleh kemahiran asas memasak secara sistematik, selamat, dan bersosialisasi. Kurikulum ini juga menekankan **advokasi diri**, yang membolehkan murid mengenali potensi diri dan menyuarakan pandangan mereka.

Bagi murid MBPK yang mengikuti bidang vokasional, mata pelajaran kemahiran asas bertujuan membina kecekapan dalam pengurusan diri, bahan, peralatan, serta tugas kerja. Menurut Mohamed Yusof [10], pelajar-pelajar khas merupakan watak pasif dalam program pendidikan, kekuatan mereka perlu disuntik dan dibentuk semula untuk menjadikan mereka manusia yang boleh menyumbang ke tahap yang paling optima sekurang-kurangnya untuk diri sendiri. Pendidikan ini diharap dapat melahirkan murid MBPK yang berkemahiran dan mampu berdikari, seterusnya membuka peluang kepada mereka dalam sektor pekerjaan dan kehidupan berdikari.

1.2 Pernyataan Masalah

Kajian ini menekankan kepentingan kaedah pengajaran yang sesuai dan tersusun bagi membantu murid lebih memahami pembelajaran amali. Walaupun terdapat banyak kajian sebelumnya, masih terdapat kekurangan penyelidikan mengenai penguasaan amali bagi murid autistik, yang memerlukan perhatian lebih lanjut.

1.3 Kerangka Konseptual



Rajah 1. Kerangka konseptual kajian

Rajah 1 menunjukkan kerangka konseptual yang menggambarkan penguasaan amali asas penyediaan mengajar kemahiran amali penyediaan makanan dalam mata pelajaran asas masakan. Tiada halangan yang terlibat dalam kajian ini.

1.5 Objektif Kajian

1. Meneroka sejauhmana penguasaan amali yang digunakan oleh guru dalam mengajar asas penyediaan sandwic ke atas murid-murid autistik.
2. Meneroka kesan penguasaan amali yang digunakan oleh guru dalam mengajar amali asas penyediaan sandwic ke atas murid-murid autistik.

1.6 Persoalan Kajian

1. Bagaimana tahap penguasaan amali oleh guru dalam mengajar asas penyediaan sandwich kepada murid autistik?
2. Apakah kesan penguasaan amali tersebut terhadap pembelajaran murid autistik?

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini memberi manfaat kepada pelbagai pihak. Antaranya ibu bapa, melalui kajian ini dapat membantu ibu bapa melatih anak-anak autistik untuk berdikari dan menguruskan kehidupan seharian mereka secara sendiri, serta menerapkan pendekatan amali bagi persediaan ke alam pekerjaan. Gerber [5] turut menyatakan bahawa adalah penting bagi pelajar masalah pembelajaran diajarkan dengan kemahiran-kemahiran yang dapat memastikan pelajar bekerja kelak. Selain itu, dapat membantu guru memahami pendekatan yang sesuai dalam mengajar amali masakan, serta mendorong lawatan ke sekolah vokasional bagi meningkatkan kemahiran murid dan pengiktirafan mereka. Akhir sekali membantu pihak sekolah mengenal pasti masalah atau kekurangan dalam pelaksanaan amali masakan, seperti kekurangan prasarana, dan seterusnya menyediakan keperluan yang sesuai.

2. Tinjauan Literatur

Kajian literatur merupakan aspek yang penting dalam kajian kerana pengkaji akan membuat tinjauan ke atas kajian-kajian yang lepas untuk memperoleh dan menyesuaikan kandungan kajian lepas dengan kajian yang akan dilaksanakan. Tinjauan literatur merangkumi ulasan daripada jurnal, buku, dokumen, dan tesis, sama ada dalam bentuk bercetak atau atas talian, yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan.

Model Gaya pembelajaran Dunn dan Dunn [9], gaya pembelajaran adalah kaedah seseorang untuk menumpukan, memproses, menyerap dan mengingatkan maklumat atau kemahiran yang baru dan sukar. Dengan ini menurut, Azita Ali dan Zaiton Abdullah Zawawi [3], menjelaskan guru, ibu bapa atau penjaga dan masyarakat perlu membantu MBPK agar dapat belajar dengan baik dan memupuk minat terhadap perkara yang dipelajari. Selain itu pendidikan vokasional merupakan satu program tersusun bagi melahirkan tenaga kerja yang dapat melengkapkan MBPK dengan kemahiran yang dikehendaki majikan. Murid Berkeperluan

Khas tidak terkecuali dalam menyumbangkan tenaga mahir bersesuaian dengan kebolehan dan tahap keupayaan mereka. Latihan Kemahiran Berasaskan Vokasional penting diberi penekanan bagi MBPK dalam kurikulum di sekolah terutama di PPKI sekolah menengah supaya mereka menjadi modal insan yang berkemahiran dan berdikari serta boleh menyumbang dalam pembangunan negara, Kama Shaffeei [7].

2.1 Model Gaya Pembelajaran Dunn dan Dunn, 1967

Model Gaya Pembelajaran Dunn dan Dunn [9], menekankan bahawa gaya pembelajaran seseorang mempengaruhi pencapaiannya sejak kecil hingga dewasa. Model ini menunjukkan bahawa penyesuaian proses pengajaran mengikut gaya pembelajaran individu dapat meningkatkan prestasi murid. Menurut Chetty *et al.*, [11] beberapa kajian menjelaskan bahawa pelajar yang mengaplikasi gaya pembelajaran mengikut kecenderungan mereka, belajar dengan lebih gembira dan mampu mendapat markah yang lebih tinggi dalam setiap ujian dibandingkan dengan mereka yang tidak

mempraktikkan gaya pembelajaran. Ini menjelaskan bahawa gaya pembelajaran yang tepat mampu membantu pelajar untuk belajar dengan lebih seronok dan kurang tekanan. Gaya pembelajaran melibatkan elemen seperti persepsi, deria, pemakanan, masa, dan mobiliti. Terdapat empat kaedah utama dalam mengingat maklumat:

1. Auditif – Melalui bunyi dan pendengaran.
2. Visual – Melalui pemerhatian dan asosiasi visual.
3. Taktual – Melalui sentuhan.
4. Kinestetik – Melalui pergerakan dan aktiviti fizikal.

Dalam kajian ini, model digunakan untuk menilai keberkesanan amali penyediaan sandwich terhadap murid autistik, sama ada berjaya atau sebaliknya.

2.2 Kajian Lepas

Kajian ini menekankan kepentingan sokongan guru, ibu bapa, dan masyarakat dalam membantu Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) belajar dengan lebih baik. Kaedah pengajaran harus berpusat kepada pelajar bagi memastikan mereka memberi perhatian. Namun, kurikulum sedia ada lebih menekankan aspek akademik berbanding pendidikan vokasional, yang hanya diberikan dalam subjek Kemahiran Hidup.

Pendidikan vokasional penting untuk membangunkan kemahiran MBPK bagi menghadapi cabaran hidup dan menyediakan mereka untuk pekerjaan. Menurut Anizam *et al.*, [2], MBPK boleh mengembangkan kemahiran untuk menguasai cabaran hidup dan berupaya untuk menjadikan mereka sebagai individu yang produktif. Kajian menunjukkan bahawa latihan vokasional membantu MBPK menjadi individu produktif dengan kemahiran yang diperlukan oleh majikan. Oleh itu, kurikulum pendidikan khas perlu lebih fleksibel dan sesuai dengan keupayaan serta keperluan mereka.

3. Metodologi

3.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian yang dijalankan ini adalah menggunakan kaedah kajian secara kualitatif yang menggunakan reka bentuk kajian kes. Kualitatif merupakan pendekatan yang berkaitan dengan pengumpulan dan tafsiran data bukan berangka, tetapi lebih menumpukan kepada kefahaman persekitaran manusia dan sosial. Manakala, kajian kes merupakan kajian emperikal yang digunakan untuk memahami fenomena kompleks dalam konteks kehidupan sebenar, dengan melakukan pengumpulan data secara mendalam dengan melibatkan pelbagai sumber maklumat. Justeru itu, pemilihan pelaksanaan penyelidikan kualitatif yang menekankan kajian kes digunakan bagi membantu mengenal pasti amalan pengajaran yang digunakan oleh guru dalam kelas amali Asas Masakan penyediaan sandwich dan mengenal pasti teknik pengajaran serta pendekatan yang berkesan untuk murid autistik di dalam kelas asas masakan. Kesimpulannya, kajian ini hanya berdasarkan kualitatif dan tidak bersandarkan kepada kuantitatif.

3.2 Sampel Kajian

Persampelan adalah satu usaha yang dijalankan untuk memilih sejumlah subjek daripada populasi yang besar dijadikan sebagai responden kajian dan juga untuk memahami proses sosial berbanding

memperoleh sampel responden, Chua [4]. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan persampelan bertujuan yang hanya berfokus dan melibatkan tiga orang guru pendidikan khas sahaja di salah sebuah sekolah menengah Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di daerah Sungai petani, Kedah yang mengajar mata pelajaran asas masakan. Antara kriteria pemilihan sampel ialah guru yang dipilih merupakan guru yang terlibat dalam melaksanakan amali asas masakan kepada murid autistik dalam Tingkatan Satu Pendidikan Khas. Seterusnya, di ambil kira pengalaman dan kepakaran peserta kajian yang mencakupi teknik pengajaran dan pendekatan yang berkesan untuk murid autistik di dalam kelas asas masakan (*expert*), mempunyai kebolehan bercakap untuk menghuraikan pendapat dari perspektif emic (*expertise*) dan juga bersedia untuk membantu mendapatkan data untuk kajian (*willingness*), Merriam [8].

3.3 Instrumen Kajian

Instrumen merupakan alat yang digunakan kajian untuk mendapatkan, mengukur dan menganalisis data daripada subjek di sekitar topik kajian. Dalam kajian ini, kaedah temu bual separa berstruktur digunakan untuk mendapat maklumat berkaitan dengan penguasaan amali murid autistik, kesan penguasaan amali kepada murid autistik dan pendekatan yang digunakan di dalam amali sandwic. Soalan-soalan temu bual telah disediakan terlebih dahulu, tetapi pengkaji boleh menambah soalan semasa proses temu bual untuk mendapatkan maklumat tambahan. Tiga cara asas yang digunakan oleh pengkaji dalam merekodkan data temu bual iaitu melalui rakaman audio, mengambil nota semasa temu bual dan menulis sebanyak mungkin sebaik sahaja tamat temu bual. Selain itu, pengkaji menggunakan kaedah pemerhatian peserta untuk mendapatkan data daripada responden. Dalam kajian ini, pengkaji terlibat secara langsung dalam pemerhatian. Fokus utama dalam pemerhatian ini adalah pelaksanaan yang dilakukan oleh responden terhadap murid autisme yang merangkumi pendekatan dalam penguasaan kemahiran amali masakan sandwic.

3.4 Kesahan dan Kebolehpercayaan

Dalam kajian kualitatif, kajian rintis yang dilaksanakan adalah persetujuan peserta kajian (*membercheck*) melibatkan data dan interpretasi untuk dirujuk semula kepada tiga orang peserta kajian bagi membolehkan mereka mengesahkan ketepatan dan kebenaran maklumat, Merriam [8]. Pengkaji telah memilih responden yang diyakini mempunyai kriteria persampelan yang telah ditetapkan iaitu pengalaman dan kepakaran peserta kajian yang mencakupi aspek kepakaran dalam amali masakan penyediaan sandwic untuk bersama-sama mengesahkan soalan rintis temu bual separa berstruktur yang dirancang. Kebolehpercayaan dalam kajian kualitatif dapat dilaksanakan dengan beberapa kaedah iaitu triangulasi. Triangulasi boleh dilakukan dengan melaksanakan kaedah pengumpulan data mengenai pendekatan dalam amali penyediaan sandwich seperti temu bual pada sela yang berlainan untuk melihat sekiranya jawapan yang diberikan oleh individu yang ditemu bual adalah sama seperti jawapannya sebelum ini, atau menemu bual responden atau informan lain berdasarkan soalan temu bual yang sama. Data yang diperoleh melalui temu bual juga telah ditriangulasikan dengan data pemerhatian.

3.5 Prosedur Pengumpulan Data

Dalam kajian kualitatif, pengkaji menggunakan beberapa kaedah utama untuk pengumpulan data kajian merangkumi temu bual, dan juga pemerhatian langsung di lapangan kajian. Beberapa kebenaran rasmi perlu diperoleh untuk melaksanakan sesebuah kajian. Antaranya adalah kebenaran

daripada Jabatan Pelajaran Negeri (JPN), Pengetua sekolah yang dikaji dan juga menyerahkan surat kebenaran daripada pihak universiti kepada tiga orang responden yang terpilih. Soalan temu bual yang disediakan merupakan kajian rintis yang telah disemak bersama-sama dengan peserta kajian namun pada kali ini, pengkaji menemu bual bertujuan mendapatkan data yang tepat mengenai penguasaan amali yang digunakan oleh guru kepada murid autistik dalam mengajar asas penyediaan sandwic. Norfishah Mat Rabi [12] menyatakan bahawa dalam pemerhatian berstruktur, aspek yang hendak diperhatikan adalah persediaan sampel dari segi kaedah pengajaran, aktiviti pembelajaran kepada MPBK autistik serta pendekatan yang dirancang dalam menyediakan situasi bagi memperolehi evidens. Pengkaji telah memerhati, mendengar dan merekod maklumat berdasarkan set aktiviti yang telah dikenal pasti dengan berpanduan set catatan senarai semak mudah berdasarkan persoalan kajian.

3.6 Prosedur Analisis Data

Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin [15], berpendapat bahawa proses menganalisis data kualitatif meliputi tiga urutan aktiviti iaitu penyaringan data, persembahan data dan penulisan kesimpulan atau verifikasi. Dalam fasa pertama, data yang diperolehi melalui temu bual separa berstruktur dan nota pemerhatian akan disaring untuk mengenal pasti maklumat yang relevan dan bermakna. Transkrip temu bual dan nota pemerhatian akan dibaca berulang kali untuk memahami konteks, diikuti dengan pengkodan awal berdasarkan kata kunci atau frasa yang kerap muncul. Kod-kod ini kemudiannya dikumpulkan ke dalam kategori yang lebih besar, seperti "cabaran guru", "strategi pengajaran", dan "reaksi murid". Dalam fasa kedua, data akan dipersembahkan secara sistematik menggunakan jadual, carta alir, dan huraian deskriptif untuk memudahkan analisis dan interpretasi. Fasa ketiga melibatkan penulisan kesimpulan awal berdasarkan tema yang dikenal pasti, diikuti dengan proses verifikasi melalui triangulasi data dan *member check* untuk memastikan ketepatan dan kebolehpercayaan dapatan. Analisis data temu bual akan melibatkan transkripsi verbatim dan pengkodan tematik, manakala analisis nota pemerhatian akan menumpukan pada pola tingkah laku dan amalan yang kerap diulangi. Kesemua data akan dianalisis secara manual menggunakan perisian *Microsoft Word*, dengan bantuan fungsi seperti '*Find*' dan *color coding* untuk memudahkan proses pengkodan dan pengkategorian.

4. Dapatan Kajian

Dapatan kajian ini diperoleh daripada data yang dikumpulkan melalui temu bual dengan tiga orang guru Pendidikan Khas. Hasil kajian dianalisis berdasarkan persoalan dan objektif kajian. Data yang diperolehi dianalisis melalui transkripsi rakaman audio semasa sesi temu bual. Dapatan kajian dibahagikan kepada dua bahagian: demografi responden dan laporan temu bual bertulis. Analisis dilakukan melalui perbincangan, jadual, dan rajah.

4.1 Latar Belakang Responden

Jadual 1

Latar belakang responden kajian

Nama Guru	Guru A	Guru B	Guru C
Kelulusan	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Khas	Kursus Perguruan Lepas Ijazah	Diploma Pendidikan Lepas Ijazah (Masalah Pembelajaran)
Opsyen	Pendidikan Khas (Major) Pendidikan Islam (Minor)	Pendidikan Khas (Major) Pendidikan Islam (Minor)	Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran
Pengalaman Mengajar	10 tahun	15 tahun	15 tahun
Mata Pelajaran yang diajar	Asas Masakan	Kemahiran Asas Vokasional Asas Masakan	Kemahiran Asas Vokasional Asas Masakan
Sijil Kemahiran Malaysia (SKM)	Tiada	Tiada	Ada

Responden kajian ini terdiri daripada tiga orang guru Pendidikan Khas di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di Sekolah Menengah Kebangsaan Bakar Arang, Kedah, iaitu guru A, guru B dan guru C. Dari segi kelulusan ikhtisas, guru A memegang Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Khas. Guru B pula telah menamatkan Kursus Perguruan Lepas Ijazah dalam bidang Pendidikan Khas, manakala guru C adalah lulusan Diploma Pendidikan Lepas Ijazah Masalah Pembelajaran. Guru A dan guru B major dalam Pendidikan Khas dan minor dalam Pendidikan Islam, sementara guru C major dalam Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran. Dari segi pengalaman, guru A telah berkhidmat selama 10 tahun, manakala guru B dan guru C masing-masing telah berkhidmat selama 15 tahun, manakala guru B dan guru C masing-masing telah berkhidmat selama 15 tahun sebagai guru. Guru A mengajar mata pelajaran Asas Masakan untuk murid Kefungsian Rendah, sementara guru B dan guru C mengajar mata pelajaran Kemahiran Asas Vokasional Asas Masakan. Guru A dan guru B tidak mempunyai Sijil Kemahiran Malaysia, tetapi guru C memegang Sijil Kemahiran Malaysia (SKM).

4.2 Analisis Dapatan

Terdapat dua persoalan kajian yang diajukan oleh pengkaji kepada tiga responden yang terlibat di dalam sesi temu bual.

Persoalan 1: Pendekatan pengajaran amali yang digunakan oleh guru dalam mengajar asas penyediaan sandwich kepada murid-murid autistik.

Dalam persoalan kajian bahagian pertama, terdapat empat soalan yang diberikan. Pertama pendekatan yang dikuasai oleh guru, kedua masalah yang dihadapi semasa melaksanakan pendekatan tersebut, ketiga faktor persekitaran, dan keempat adalah cara atau inisiatif lain yang digunakan untuk menjayakan pengajaran amali tersebut. Soalan di bahagian satu ini dibuat untuk menilai kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan penyediaan sandwich oleh responden yang terlibat.

Untuk soalan pertama, iaitu pendekatan yang dikuasai oleh guru, pendekatan yang digunakan oleh guru A untuk mengajar kelas amali bagi murid autistik adalah dengan menggunakan teknologi melalui tayangan video dan muzik. Ini kerana guru A berpendapat bahawa murid autistik sangat berminat dengan visual, pergerakan seperti tarian, serta bunyi. Pendekatan yang dikuasai oleh guru

B adalah pendekatan berpusatkan murid, guru, dan bahan. Tujuan guru B menggunakan pendekatan ini adalah untuk memanfaatkan bahan yang nyata, membolehkan murid autistik yang menghadapi masalah pergerakan psikomotor dapat melihat dan menyentuh bahan tersebut secara langsung. Guru C menggunakan pendekatan induktif dengan mengimbas kembali pengalaman dan pengetahuan sedia ada murid, iaitu sama ada mereka pernah membuat sandwic sebelum ini atau tidak.

Bagi soalan kedua, responden telah berkongsi masalah yang dihadapi semasa melaksanakan pendekatan yang dipilih. Guru A menyatakan bahawa menarik perhatian murid autistik sangat sukar kerana fokus mereka yang rendah dan keperluan akan ganjaran atau pujian untuk belajar. Tingkah laku mereka juga menjadi salah satu penyebab masalah yang dihadapi. Manakala guru B menjelaskan bahawa murid autistik menghadapi masalah dalam memberikan tumpuan kerana kurang fokus apabila belajar terlalu lama sehingga mereka bosan. Oleh itu, kesabaran yang sangat diperlukan dan ditekankan ketika mengajar murid autistik ini kerana mereka mempunyai mood yang berubah-ubah. Seterusnya adalah guru C. Guru C menyatakan bahawa murid autistik menghadapi kesukaran untuk fokus semasa pengajaran amali. Oleh itu guru C sering mengulang dan menunjukkan gambar tentang apa yang mereka pelajari secara kerap. Pengajaran amali diulang selama beberapa minggu untuk memastikan murid benar-benar memahami apa yang mereka pelajari.

Seterusnya, soalan ketiga yang diajukan kepada responden ialah: "Adakah faktor persekitaran mempengaruhi pendekatan yang digunakan semasa mengajar amali asas penyediaan sandwic kepada murid autistik?" Bagi soalan ketiga ini, ketiga-tiga responden bersetuju bahawa faktor persekitaran sangat mempengaruhi. Faktor-faktor seperti keadaan sekeliling yang sibuk, keadaan cuaca, suhu bilik darjah, dan bunyi yang mengganggu mempengaruhi perhatian murid semasa amali. Guru-guru tersebut menegaskan bahawa persekitaran memainkan peranan penting dalam proses pengajaran. Ianya bertepatan dengan pendapat yang dinyatakan oleh Haliza dan Joy Nesamalar [6] dalam kajiannya juga menganggap bahawa persekitaran yang kondusif dapat meningkatkan tahap tumpuan perhatian yang baik, tahap penglibatan diri dan tahap perkembangan seseorang pelajar terutama dalam kalangan kanak-kanak semasa proses pembelajaran dilaksanakan

Bagi soalan keempat, responden telah berkongsi inisiatif lain untuk meningkatkan keberkesanan proses pengajaran amali. Guru A menggunakan pendekatan dengan menunjukkan bahan secara nyata, memerlukan murid autistik melakukannya sendiri, walaupun peluang untuk mereka melakukannya sendiri sangat terhad kerana kefungsian rendah. Manakala guru B menggunakan pendekatan menceritakan pengalaman murid mengenai sandwic, menyedari ada murid yang tidak mengenali atau belum pernah makan sandwic. Sementara itu guru C menggunakan teknik permainan, iaitu belajar sambil bermain dengan kit media atau latihan dalam talian seperti *Kahoot* dan *Wordwall*. Annasaii dan Mohd Aderi [1] juga menyatakan kaedah permainan interaktif atau secara atas talian menggunakan aplikasi Kahoot dalam subjek pendidikan Islam telah memberikan banyak manfaat kepada pembelajaran kanak-kanak. Kahoot merupakan platform pembelajaran berasaskan web yang memberikan hasil pembelajaran dan penilaian secara langsung, cekap, menyeronokkan dan mesra pengguna. Menurut guru C, elemen kejutan diperlukan untuk memastikan murid berasa seronok dan berminat terlibat dalam aktiviti kelas.

Persoalan 2: Apakah kesan penguasaan amali oleh guru dalam mengajar penyediaan sandwic kepada murid autistik?

Untuk persoalan kedua, pengkaji telah memfokuskan kepada tiga soalan yang ingin dikupas. Pertama, kesesuaian pendekatan yang dikuasai oleh guru. Kedua, hubungan antara pendekatan tersebut dengan pencapaian yang diperoleh oleh murid. Ketiga, pendekatan lain yang digunakan selain daripada pendekatan yang dikuasai oleh guru. Hal ini bertujuan agar proses pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan amali penyediaan sandwich berjalan dengan lancar dan teratur.

Untuk soalan pertama yang berkaitan dengan kesesuaian pendekatan yang dikuasai oleh guru, Guru A telah menjawab bahawa pendekatan yang digunakannya ada yang bersesuaian dan ada juga yang tidak bersesuaian. Ini kerana setiap murid autistik mempunyai masalah dan pemahaman yang berbeza-beza. Oleh itu, Guru A berpendapat bahawa pendekatan tersebut perlu dipelbagaikan. Sementara itu, Guru B dan Guru C mengatakan bahawa pendekatan yang mereka gunakan adalah bersesuaian kerana, menurut mereka, murid autistik tersebut sudah mempunyai pengetahuan sedia ada dan hanya memerlukan pengulangan untuk memastikan bahawa mereka sentiasa ingat.

Manakala untuk soalan kedua, "Adakah pendekatan yang dikuasai dalam mengajar amali mempunyai hubungan dengan pencapaian murid?", Guru A mengatakan bahawa hubungan antara pendekatan pengajaran dan pencapaian murid autistik tidak sepenuhnya mencapai sasaran. Ini kerana Guru A mengajar murid kategori kefungsi sederhana, tetapi dari segi perkembangan, pencapaian murid dapat dilihat dari tidak dapat melakukan sesuatu kepada dapat melakukan sesuatu. Sama juga dengan Guru B dan Guru C, mereka mengatakan bahawa dari segi pencapaian akademik, sasaran tidak sepenuhnya tercapai. Namun, dari segi perkembangan psikomotor murid autistik, perubahan positif dapat dilihat. Contohnya, ada murid autistik yang sudah dapat menyediakan makanan mudah seperti sandwich sendiri apabila berada di rumah.

Bagi soalan terakhir, iaitu "Adakah guru menggunakan pendekatan lain selain daripada pendekatan yang telah guru kuasai dalam mengajar amali asas penyediaan sandwich kepada murid autistik?" ketiga-tiga guru menggunakan pendekatan yang berbeza dalam mengajar murid autistik. Guru A menggunakan pendekatan belajar sambil bermain kerana murid autistik mudah bosan jika belajar terlalu lama. Guru B bekerjasama dengan pihak luar seperti kolej komuniti untuk mengadakan kursus pembuatan makanan. Guru C menggunakan pendekatan bertema, seperti tema warna dan bentuk, untuk membuat murid lebih berminat. Pendekatan ini juga menggabungkan pelajaran sains dan matematik dalam pengajaran.

5. Perbincangan dan Kesimpulan

5.1 Perbincangan

Secara umumnya, guru-guru Pendidikan Khas yang mengajar murid-murid autistik memerlukan penguasaan kemahiran amali yang tinggi dalam proses pengajaran. Bagi melaksanakan pengajaran asas penyediaan sandwich kepada murid autistik, salah satu keperluan yang perlu dititikberatkan adalah memahami keperluan murid seperti penggunaan kaedah pengajaran yang sesuai iaitu penggunaan gambar atau video untuk membantu murid memahami langkah-langkah penyediaan sandwich. Ianya dikuatkan lagi dengan pendapat Sahir dan Ahmad Fauzi [13] yang menyatakan bahawa penggunaan video dalam amali masakan boleh dijadikan sebagai bahan bantu mengajar sebagai sokongan kepada pengajaran demonstrasi.

Faktor persekitaran turut mempengaruhi pengajaran amali guru terhadap murid-murid autistik. Pengurusan secara sistematik di dalam bengkel merupakan persekitaran yang dapat meningkatkan keberkesanan proses amali masakan. Selain itu, persekitaran sekolah seperti rakan sebaya yang sentiasa menyokong kepada pembelajaran dan pembelajaran murid autisme turut dilihat sebagai pemangkin keberkesanan pelaksanaan amali penyediaan sandwich kepada murid autistik. Di akhirnya, bagi memastikan amali sandwich dikuasai sepenuhnya oleh murid autisme, guru telah mengambil inisiatif lain seperti menggunakan kaedah tunjuk cara di dalam amali dan juga mempersiapkan bahan bantu mengajar bagi topik penyampaian isi pelajaran amali yang dilakukan.

5.2 Cadangan Kajian Lanjutan

Terdapat beberapa saranan yang boleh diambil kira dan diberikan perhatian bagi melaksanakan kajian pada masa akan datang oleh pihak-pihak yang berminat dengan kajian ini. Antara perkara yang boleh dititikberatkan ialah guru perlu mempelbagaikan pendekatan ketika melaksanakan amali dalam mata pelajaran Asas Masakan. Hal ini bertujuan untuk memastikan MBPK terutamanya murid autistik banyak terlibat secara fizikal semasa pdp dan juga latihan amali yang diadakan. Selain itu juga, perkara yang turut dititikberatkan bagi menjamin amali masakan yang dijalankan ke atas murid berjalan lancar adalah dengan mengambil kira permasalahan yang sering dihadapi oleh guru dalam usaha menyesuaikan pendekatan pengajaran dengan tahap keupayaan MBPK.

Dari perspektif kajian, cadangan penambahbaikan juga boleh dilakukan dari segi pemilihan reka bentuk kajian yang ingin dijalankan. Kajian yang direka bentuk secara gabungan kualitatif dan kuantitatif bukan sahaja melibatkan populasi yang besar dan ianya mampu meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan kajian yang dilaksanakan malahan data yang ditafsir dapat diperolehi dalam bentuk nombor dan kaedah temu bual, pemerhatian dan sebagainya mampu memberikan hasil dapatan yang lebih jelas tentang kajian yang dibuat.

Akhir sekali, kajian lanjutan perlu diperluaskan dengan melibatkan kerjasama daripada ibu bapa dan penjaga murid autistik bersama guru yang terlibat dengan amali asas masakan supaya kerjasama ini mampu mendorong anak-anak autistik untuk melibatkan diri secara aktif dalam amali masakan di sekolah. Zaiton, Sharif dan Ginasegaran a/l Karuppanannan [14] menekankan pentingnya sokongan dan penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran anak-anak berkeperluan khas. Kajian lanjutan ini penting kerana masyarakat memainkan peranan penting dalam menerima sebarang perubahan dalam konteks pendidikan negara dan seterusnya menjayakan amalan amali Murid Pendidikan Khas sekolah menengah.

5.3 Kesimpulan

Setelah menganalisis data, dapat disimpulkan bahawa amali dalam pengajaran dan pembelajaran asas masakan dalam penyediaan sandwic dalam kalangan murid autistik sememangnya memerlukan pelbagai alternatif untuk memastikan objektif tercapai. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru yang mengajar amali menggunakan pelbagai pendekatan termasuklah tayangan video dan gambar yang diberikan secara berulang-ulang dapat mengukuhkan daya ingatan murid autistik. Pelaksanaan amali masakan juga yang mengambil kira faktor persekitaran murid autistik turut menyumbang ke arah kelancaran penyediaan sandwic. Tuntasnya, kajian yang dilaksanakan untuk meneroka pendekatan amali yang dilakukan dalam penyediaan sandwic kepada murid autistik menunjukkan kejayaan apabila sampel telah mendapat memberikan respon dan maklum balas yang tepat berdasarkan persoalan yang diajukan oleh pengkaji.

Rujukan

- [1] Jamar, Annasaii, and Mohd Aderi Che Noh. "Gamifikasi Aplikasi Kahoot Dalam Pembelajaran Dan Pemudahcaraan (Pdpc) Pendidikan Islam." In *Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan (ISPEN 2020)*, pp. 269-280. 2020.
- [2] Yusof, Anizam Mohamed, Manisah Mohd Ali, and Amla Mohd Salleh. "Pendidikan vokasional pelajar berkeperluan khas ke arah memenuhi pasaran pekerjaan." In *Proceeding of the International Conference on Social Science Research, ICSSR*, pp. 1189-1196. 2013.
- [3] Ali, Azita, and Zaiton Abdullah Zawawi. "Tahap penguasaan terhadap komponen masakan dalam kalangan pelajar pendidikan khas masalah pembelajaran." *Online Journal for TVET Practitioners* 3, no. 1 (2018).
- [4] Chua, Yan Piaw. "Kaedah dan statistik penyelidikan: Asas statistik penyelidikan." (2006).

- [5] Gerber, Paul J., and Lynda A. Price. "Persons with learning disabilities in the workplace: What we know so far in the Americans with Disabilities Act era." *Learning Disabilities Research & Practice* 18, no. 2 (2003): 132-136. <https://doi.org/10.1111/1540-5826.00069>
- [6] Hamzah, Haliza, and Joy Nesamalar Samuel. "Siri pendidikan guru pengurusan bilik darjah dan tingkah laku." (2008).
- [7] Shaffeei, Kama. "PENGUASAAN KEMAHIRAN VOKASIONAL MURID BERKEPERLUAN KHAS MASALAH PEMBELAJARAN (MBKMP) DI PROGRAM PENDIDIKAN KHAS INTEGRASI (PPKI) BAGI PERSEDIAAN SIJIL KEMHIRAN MALAYSIA." In *Proceedings of International Conference on Special Education*, vol. 2. 2017.
- [8] Merriam, Sharan B. *Qualitative Research and Case Study Applications in Education. Revised and Expanded from "Case Study Research in Education."*. Jossey-Bass Publishers, 350 Sansome St, San Francisco, CA 94104, 1998.
- [9] Model Gaya Pembelajaran Dunn Dan Dunn. (2017). *Mengenal Gaya Pembelajaran Kendiri*. blogspot.com/2017/10/model-gaya-pembelajaran-dunn-dan-dunn.html
- [10] Mohamed Yusof, A., M. Mohd Ali, and N. Mohd Noor. "Penerapan Kemahiran Kebolehgajian terhadap Murid Berkeperluan Pendidikan Khas." *Online Journal for TVET Practitioners* 5, no. 1 (2020): 36-42. <https://publisher.uthm.edu.my/ojs/index.php/oj-tp/article/view/6052>.
- [11] Chetty, Nithya Dewi Subramaniam, Lina Handayani, Noor Azida Sahabudin, Zuraina Ali, Norhasyimah Hamzah, Nur Shamsiah Abdul Rahman, and Shahreen Kasim. "Learning Styles and Teaching Styles Determine Students' Academic Performances." *International Journal of Evaluation and Research in Education* 8, no. 4 (2019): 610-615. <https://doi.org/10.11591/ijere.v8i4.20345>
- [12] Norfishah Mat Rabi. "Penulisan Proposal Penyelidikan Ilmiah. Tanjong Malim": Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris. (2023)
- [13] Sahir, Afizal Md, and Ahmad Fauzi Mohd Ayub. "Keberkesanan Penggunaan Video dalam Amali Masakan." *International Journal of Education and Training (InJET)* 1, no. 2 (2015): 1-8.
- [14] Sharif, Zaiton. "Sokongan Ibu Bapa Terhadap Pendidikan Anak Pendidikan Khas (PK)." In *Proceedings of International Conference on Special Education*, vol. 2. 2017.
- [15] Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin. Didapatkan dari Analisis Data Kualitatif.pdf:<https://www.slideshare.net/slideshow/analisis-data kualitatifpdf/251661583#13>. (2022)